

Keputusan inkues Adib hari ini

Selepas 41 hari prosiding perbicaraan sejak 11 Februari lalu

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAMI

Selepas 41 hari prosiding perbicaraan inkuri kematian anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Subang Jaya, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, hari ini Mahkamah Koroner akan membuat keputusan yang sememangnya dinantikan segenap lapisan masyarakat.

Sudah pastinya tumpuan rakyat terarah ke Kompleks Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah apabila Koroner Rofiah Mohamad dijangka akan membacakan keputusannya pada jam 10 pagi.

Mengimbu kembali prosiding perbicaraan yang bermula 11 Februari lalu, sebanyak 137 eksibit dan 30 saksi dipanggil memberi keterangan bagi membantu merungkai punca

kematian Muhammad Adib yang diklasifikasikan sebagai kes berprofil tinggi.

Perjalanan perbicaraan yang panjang itu menyaksikan telah wujud 'plot' selepas saksi ke-29, Pakar Perunding Kanan Forensik Patalogi United Kingdom, Profesor Dr Shahrom Abd Wahid mendedahkan bahawa laporan bedah siasat jenazah Muhammad Adib yang dijalankan oleh saksi ke-24, Pakar Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur, Dr Ahmad Hafizam Hasmi bersama saksi ke-27, Ketua Jabatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr Mohd Shah Mahmood adalah bercanggah dan tidak lengkap.

Ahmad Hafizam dalam memaklumkan tiada kesan kecederaan atau tanda menunjukkan anggota bomba itu ditarik keluar secara paksa dari van Unit Bantuan Kecemasan (EMRS) pada malam kejadian.

Bagaimanapun, ia disangkal oleh Shahrom yang juga bekas Pakar Perunding Kanan Forensik dan Patalogi Hospital Canselor Tuanku Mukhriz yang merumuskan terdapat kekeliruan dalam rumusan tiga isu pokok iaitu sama ada Muhammad Adib keluar dari kenderaan dengan sendiri,



Jenazah Allahyarham Muhammad Adib dibawa ke rumah keluarganya di Kampung Tebengau, Kuala Kedah untuk memberi ruang kepada ahli keluarga dan masyarakat sekitar memberikan penghormatan terakhir pada 18 Disember 2018.

ditarik oleh individu lain dan mangsa mengalami kecederaan akibat dihimpit antara dua permukaan keras pada nombor 28 dan 29 laporan bedah siasat tersebut.

Perbezaan keterangan kedua-dua pakar itu bukan sekadar berkisar kepada pemeriksaan klinikal tetapi berlarutan sehingga melibatkan formula daya terhadap impak kecederaan ke atas Muhammad Adib.

Ahmad Hafizam menyifatkan formula Shahrom tidak tepat kerana tidak

mengambil kira berat van EMRS.

Percanggahan tersebut memaksa mahkamah memanggil saksi ke-30, Pakar Fizik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Amir Radzi Ab Ghani yang merumuskan formula daya dikemukakan oleh Shahrom lebih rasional.

Katanya kepada mahkamah, berat keseluruhan van EMRS hanya boleh diguna pakai sekiranya bentuk pelanggaran adalah secara langsung iaitu Muhammad

Adib berada di bahagian hadapan atau belakang van tersebut.

Pada 20 April 2019, sekitar jam 9.28 malam, Hafizam bersama Mohd Shah membuat laporan di Balai Polis Subang Jaya dengan mendakwa telah diugut oleh Shahrom.

Lima hari kemudian, Shahrom turut membuat laporan polis terhadap laporan media yang mendakwa mengugut Hafizam dan Mohd Shah.

Pada 27 Mei lalu, pegu-

am Syazlin Mansor membuat kejutan apabila mengumumkan penarikan diri daripada mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan JPBM sehingga prosiding perbicaraan yang sepatutnya mahkamah memanggil semula saksi ke-29 terganggu serta terpaksa ditangguhkan.

Pada 28 Mei, Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas menyenaraikan empat sebab Syazlin diarah tarik diri.

Arahan Tommy itu menimbulkan rasa tidak senang masyarakat bukan termasuk pertubuhan kerajaan dan ahli politik sehingga ada yang mendesak inkues digantikan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

Pada 16 Julai lalu, Mohd Kassim Abdul Hamid memfailkan permohonan ex parte bagi memulakan prosiding komital terhadap Tommy yang didakwa telah berlaku campur tangan salah dalam pelaksanaan keadilan.

Pada 27 Ogos, Koroner membenarkan bapa Muhammad Adib memulakan prosiding komital selepas mendapati wujud prima facie atas kebarangkalian satu tindakan Tommy menjurus kepada penghinaan mahkamah.